

Tangani segera situasi di Lebanon — Perdana Menteri

UM - 27/6/2007

ROM 26 Jun - Situasi di Lebanon perlu ditangani dengan segera kerana perkembangan di situ pada masa ini menunjukkan masalah yang dihadapi belum selesai, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) berkata, pihak OIC akan mendapatkan maklumat lanjut berhubung kejadian tersebut.

Enam anggota pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dari Sepanyol yang melakukan misi pengaman di Lebanon terbunuh manakala dua lagi cedera dalam satu letupan bom kereta kelmarin.

Letupan yang mengenai satu unit peron-

da Pasukan Interim PBB di Lebanon (UNIFIL) semalam adalah serangan maut pertama ke atas tentera PBB sejak UNIFIL diperluas bagi menstabilkan selatan Lebanon berikutan perang Israel-Hizbullah tahun lalu.

Menurut Abdullah, beliau turut membincangkan soal situasi di Lebanon dalam perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Itali, Romano Prodi di sini semalam.

"Kita perlu maklumat lanjut tentang tindak-tanduk kumpulan yang telah menyebabkan kejadian baru-baru ini," katanya kepada para wartawan Malaysia.

Serangan bom itu telah menimbulkan satu lagi cabaran bagi kerajaan Beirut yang terperangkap dalam konflik politik berla-

rutan dengan pembangkang diketuai Hizbullah selain berdepan dengan beberapa letupan bom dan pertempuran dengan kumpulan bersenjata, Fatah al-Islam.

Mengenai perkembangan di Darfur, Sudan, Abdullah berkata, Malaysia sedia menghantar pasukan pengaman ke negara itu jika ada permintaan tetapi setakat ini belum ada.

"Saya dan Prodi juga ada berbincang perkara ini dan beliau berpendapat adalah lebih baik diserahkan kepada negara Afrika yang berkemampuan untuk menghantar pasukan pengamannya ke sana," kata Abdullah.

Menurut beliau, masalah di Darfur mempunyai harapan untuk diselesaikan

dan rakyat Sudan yang berkumpul di situ adalah mereka yang mempunyai pelbagai masalah iaitu kemiskinan, kekurangan makanan, bekalan air, ubat-ubatan dan ancaman terhadap keselamatan mereka.

"Semasa saya membuat lawatan di sana dulu, mereka menyatakan bersedia pulang ke perkampungan masing-masing asalkan ada jaminan keselamatan, makanan, air minuman, ubat-ubatan dan persekolahan bagi anak-anak mereka.

"Kita boleh beri bantuan untuk menyediakan kelengkapan persekolahan malah saya sudah meminta Petronas yang beroperasi di negara itu untuk membantu," katanya.

- Utusan